

KURSUS KEPIMPINAN MAHASISWA KUTKM 2004

oleh Mohamad Bokhari

Bengkel Kepimpinan Mahasiswa KUTKM 2004 ini telah diadakan pada 23 Januari hingga 25 Januari (Jumaat hingga Ahad) di Kolej Latihan RISDA, Alor Gajah, Melaka. Bengkel ini bertujuan untuk membentuk dan mengukuhkan perkembangan sahsiah dan kepimpinan mahasiswa di alaf baru. Pembentukan sahsiah dan kepimpinan yang mantap akan meyakinkan mahasiswa untuk berinteraksi, berkomunikasi dan melontarkan idea yang bernes apabila berhadapan dengan situasi yang memerlukan ketajaman berfikir. Mahasiswa yang mampu berfikir dan berhujah akan membantu diri mereka ke arah kecemerlangan akademik.



Antara objektif bengkel ini dilaksanakan iaitu membentuk mahasiswa berwibawa dan berketrampilan dalam aspek sahsiah dan kepimpinan, melahirkan mahasiswa yang sedia membantu masyarakat di luar kampus dalam bentuk perkhidmatan kemasyarakatan secara ikhlas, melahirkan pemimpin masa hadapan yang intelektual dan berani, membentuk kesedaran diri dalam mahasiswa yang positif dan menjadi 'role model' kepada mahasiswa lain maupun masyarakat.

Seramai 80 orang pelajar yang terdiri daripada MPP, Pengurus, Bendahari dan Setiausaha pelbagai Kelab dan Persatuan yang

KURSUS PENGURUSAN JENAZAH

Pada 28 Disember 2003, Unit Agama HEP telah mengadakan kursus pengurusan jenazah. Kursus ini adalah kali pertama yang diadakan oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar di Masjid Al-Alami. Kursus ini mempunyai beberapa objektif antaranya ialah :-

- Memberikan kesedaran bahawa setiap yang hidup pasti akan mati
- Membudayakan amalan rasa tanggungjawab di dalam diri mahasiswa/i.
- Mendedah dan memberi penghayatan yang lebih akan kepentingan fardhu kifayah ini
- Membentuk sifat taqwa kepada Allah
- Memberikan latihan untuk menjadi mahasiswa/i yang multi-skills



Kursus tersebut telah bermula pada pukul 8.00 pagi sehingga 4.30 petang. Seramai 60 orang peserta telah hadir di dalam kursus tersebut. Penceramah -



penceramah bagi kursus pengurusan jenazah ini didatangkan khas dari KAGAT dan diketuai oleh Kapt. Hishamudin bin Ibrahim. Metodologi kursus ini mencakupi dua aspek iaitu teori dan praktikal. Kursus ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Prof Madya Dr. Hj. Su'aidi bin Dato' Safei Dekan Hal Ehwal Pelajar.

Dr. Hj. Su'aidi bin Dato' Safei Dekan Hal Ehwal Pelajar. Insya'Allah Unit Agama akan menjadikan kursus ini sebagai salah satu program tahunan.



bertanggungjawab adalah seperti Y.Bhg. Pn Hajah Noor Siah Sabri (Pengarah ASK), Rosminah Bte Tahir (Istana Budaya), Y.Bhg. Dato' Hassan bin Ahmad (Yayasan Karyawan) dan Y.Bhg Datin Dr. Rahmah Bujang (Universiti Malaya). Dalam pada itu turut diadakan Forum Wacana Budaya yang bertajuk "Cabaran Budaya di Era Globalisasi". Di antara ahli panel yang menjayakan yang menjayakan forum tersebut adalah Prof. Madya Dr Su'aidi bin Dato Safei (Dekan Hal Ehwal Pelajar KUTKM), Prof. Madya Dr. Zainal Abidin Borhan (Universiti Malaya), Y.Bhg Datuk Dr. Abdul Latif Abu Bakar (Pengerusi ISSMA), manakala forum tersebut dipengerusikan oleh Pn. Norliah Bte Kudus (Penyelaras Kebudayaan KUTKM). Majlis bersejarah itu telah dirasmikan oleh Exco Pelancongan Melaka iaitu Y.Bhg Datuk Hamdin Abdollah. Secara keseluruhannya kolokium ini merupakan salah satu program pertama melibatkan penglibatan luar yang berjaya menaikkan sekali gus memperkenalkan KUTKM kepada IPT-IPT seluruh Malaysia. Ini membuktikan meskipun sebagai sebuah universiti yang berteraskan teknikal namun seni dan budaya sebagai tunjang keharmonian masyarakat tidak pernah dilupakan sama sekali.

Pejabat Hal Ehwal Pelajar



Buletin HEP

Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia

Nov, 2003

Bil. 2/2003

KOLOKIUM KEFAHAMAN SENI DAN BUDAYA DI IPT 2003

oleh : Shahruh

Kolokium Kefahaman Seni dan Budaya di IPT 2003 merupakan program kali pertama anjuran Pejabat Hal Ehwal Pelajar yang telah diadakan pada 27 Disember 2003 di Hotel Golden Legacy Melaka. Program ini melibatkan hampir keseluruhan IPT di semenanjung termasuk Sabah dan Sarawak serta mendapat kerjasama yang baik dari Kerajaan Negeri Melaka, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia dan Majlis Kebudayaan Universiti Malaysia (MAKUM). Ini merupakan suatu permulaan baru untuk KUTKM sendiri dalam melebarkan langkah perkenalan yang baik



sebagai sebuah universiti teknikal terulung di Malaysia. Kolokium ini berhasrat menyediakan platform kepada pemimpin, ilmuwan dan ahli akademik, para pelajar dan golongan belia di IPT untuk sama-sama memertabatkan seni dan budaya Malaysia ke arah sebuah masyarakat yang berfikiran selaras dengan era globalisasi. Segala harapan dan objektif program ini dilaksanakan diyakinkan lagi dengan kehadiran penceramah-penceramah intelek profesional yang datang dari pelbagai latar belakang dan kepakaran. Di antara pembentang yang

bertanggungjawab adalah seperti Y.Bhg. Pn Hajah Noor Siah Sabri (Pengarah ASK), Rosminah Bte Tahir (Istana Budaya), Y.Bhg. Dato' Hassan bin Ahmad (Yayasan Karyawan) dan Y.Bhg Datin Dr. Rahmah Bujang (Universiti Malaya). Dalam pada itu turut diadakan Forum Wacana Budaya yang bertajuk "Cabaran Budaya di Era Globalisasi". Di antara ahli panel yang menjayakan yang menjayakan forum tersebut adalah Prof. Madya Dr Su'aidi bin Dato Safei (Dekan Hal Ehwal Pelajar KUTKM), Prof. Madya Dr. Zainal Abidin Borhan (Universiti Malaya), Y.Bhg Datuk Dr.



KOLOKIUM KEFAHAMAN SENI
PERASMI : DATUK SERI MOH
TARIKH : 27 - 12 - 2003 (SABTU) . MASA : 8:00 PAGI - 5:00 PM
ANJURAN : UNIT KEBUDAYAAN
DENGAN KERJASAMA : DEWAN BAHASA & PUSTAKA MA
TEMA : MAHASISWA PENJANGA W...

SIDANG REDAKSI

MESSAGE FROM DEAN OF STUDENT AFFAIR

In the name of Allah, the Most Gracious, the Most Merciful.

The birth of the ground breaking edition of "Buletin HEP", the official newsletter for HEP KUTKM, to a certain extent acted as a bridge that warmly connects the staff and students of KUTKM with the readers from all corners. In this second edition of its publication, more reports on events and highlights of milestones are put into words to acknowledge the latest happenings and up to date progress. In addition to the regular columns, this issue covers a recent interview with Dr. Faizimah from Klinik Sajana, our medical panel clinic. We may find her observations and insights whilst operating and offering medical services to KUTKM citizens attracting and worth considering. We have also value added the issue with the Students' Corner and some snapshots here and there in English.

Co-operative movement in one way or another also contributed positively to the life of all. By identifying common interests and uniting them with shared values, we can make a difference for the better. Bearing this in mind, the students are always initiated to work together in all occasions, tapping into all resources and gathering all pools of strengths. Recently "Karnival Keserian dan Kebudayaan 4K" was organised jointly by Kelab Perpaduan and HEP. It aimed to provide a platform for the students to show off their talents, to inculcate the sense of comradeship and teamwork between KUTKM students from different races, cultures and religions, and also to equip students with managerial skills to organise events with minimal supervision.

Starting on 22nd and ended on the 29th March, Sekretariat Rakan Muda (SRM) KUTKM organised the mountain climbing expedition entitled "Trans-Titiwangsa Challenge 2003". 19 male students and 8 females of SRM members have participated in this expedition, accompanied by 3 HEP staff. The contingent managed to conquer five mountains of Titiwangsa from mount Korbu in Perak to mount Brinchang in Pahang within a week time. The purpose of the programme is to develop a team discipline as well as to test the participants physically and mentally.

SRM was officially launched on 30 March 2003. At the launch ceremony, Y.B. Dato' Hishammuddin Tan Hussein, Minister for Youth and Sports signed the officiating plaque, presented the participation certificates to the "Trans-Titiwangsa Challenge 2003" participants and visited the student activities gallery. Later of the day, the Honourable Minister delivered his speech which touched on the contemporary issues in the dialogue session with the students and staff of KUTKM which took place at Seri Negeri.

It is our hope to play a catalyst role in moulding and harnessing the energies of the student community's talents, be it in academics, or extra-curricular, arts or sports. We will venture to bring out the best in our students. The vibrant and dynamic talents developed will enable the students to contribute to our agenda in uplifting the university's image and reputation through activities and programmes they involve in. HEP anchors its key programmes along two critical value systems of the pursuit of multidisciplines and the spirit of openness.

Currently, HEP is putting into effort to forge good networking with other government agencies, viz. the Fire and Rescue Department, Royal Police of Malaysia, Road Transport Department, Traffic Police, Anti Narcotics Task Force, Special Branch, Religious Department of Melaka and others. This interaction acts as an avenue or platform to facilitate a greater understanding with other student concerned bodies and to establish a strategic partnership in carrying out programmes with similar objectives and to encourage discussions on topical issues.

Lastly but not least, the success of organisation could only be realised by collective effort from all units, staff and students. The most important factor that differentiates an organisation from another is skills, knowledge and expertise of the manpower. It determines our competitive advantage. In line with the changing customer expectations and keeping in pace with the paradigm shift in other Higher Education Institutions, HEP will move on constant improvisations and creative solutions. Hence, we will have a more concerted effort to optimise and empower our staff's potential by continuously nurturing talents through human resources development activities. Their personal commitment to the organisation's goals is necessary for our success.

Thank you.

Prof. Madya Dr. Hj. Su'aidi bin Dato' Safie
Dean of Student Affairs

PENAUNG

Pof. Madya Dr. Hj. Su'aidi Dato' Safie

PENASIHAT

Zainuddin Ahmad

EDITOR

Mohd Marwan Abu Kassim
Norliah Kudus

KETUA PENGARANG

Ahmad Faizal Abdul Rahman

PENGARANG

Md. Nor Ali
Hj. Mohamad Bokhary
Hafzan Arifin
Affandi Abu Bakar
Ishak Amin
Azly Hisham Haron
Norhaziah Mohd Yusoh
Mazne Jaaffar

PEREK GRAFIK

Siti Aishah Mat Zain

FOTOGRAFI

Mokhtar Aman
Sahran Amzah
Najib Abdullah

PEMBACA PRUF

Mazne Jaaffar
Sharmiza Zahudin
Zuraida Mohd Taib

PUBLISITI & PROMOSI

Norhayati Hj. Mahat
Ardiana Abdul Latiff
Zambrin Hasbullah Thamby Omar
Shahrul Abdul Rahim

Penghargaan Terima Kasih

Unit Grafik, Penerbitan KUTKM

Penerbit

Pejabat Hal Ehwal Pelajar
Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia
Ayer Keroh, Melaka
Tel : 06-2332145
Fax : 06-2332140

NILAI SEORANG INSAN MUSLIM

oleh : Mahadi Abu Hassan

Duit RM50.00 kelihatan begitu besar menyebabkan takut memasukkanya ke dalam kotak derma masjid, tetapi begitu kecil bila kita bawa ke supermarket.

Tempoh 45 minit terasa terlalu lama untuk berzikir tetapi betapa pendeknya waktunya untuk pertandingan bola sepak.

Tempoh 2 jam terasa terlalu lama berada di Masjid, tetapi 2 jam dirasakan berlalu dengan pantas ketika menonton filem, hiburan dan segala macam maksiat di kaca TV atau di kelab-kelab dangdut.



Susah sungguh melafazkan kata-kata untuk dipohonkan ketika berdoa, solat dan bermunajat kepada Allah s.w.t., tetapi betapa mudahnya mencari bahan bersempang bila bertemu / berchat dengan kawan-kawan / pakwe / makwe.

Seruan dan teriakan yang berpanjangan waktu pertandingan pasukan bola jadi kegemaran dan amalan kita semua, tetapi betapa bosannya kita bila imam solat tarawih bulan ramadhan bacaannya lama dan panjang.



Susah sangat hendak membaca al-Quran walaupun 1 juzuk, tetapi majalah hiburan yang dipenuhi gambar dan cerita kaum kerabat syaitan serta novel bestseller 100 halaman pun habis dilahap.

Orang berebut-rebut kehadapan untuk memohon konsert tetapi berebut-rebut mencari saf paling belakang bila sembahyang Jumaat supaya boleh cepat keluar.

Kita meenganggap kuno kalau pakai tudung dan menutup semua aurat (kecuali muka dan tapak tangan tetapi merasa maju dan moden kalau mendedahkan rambut dan menampakkan tangan, dada, betis dan peha).



Anak-anak kita ke sekolah memakian tudung tetapi kita datang ke pejabat menunjukkan rambut dan mendedahkan aurat.

Artis dan penyanyi kita sanjungi dan ikut tingkat laku mereka, tetapi orang alim dan cerdik pandai islam kita hindari malah menghina lagi.

Kita perlu undangan seawal 3 atau 4 minggu sebelumnya untuk majlis ilmu supaya boleh dimasukkan di dalam agenda kita, tetapi untuk acara lain seperti menonton wayang, konsert, annual dinner atau high tea jadual kita boleh diubah sekelip mata.

Susahnya orang mengajak menyebarkan dakwah, tetapi mudahnya orang menyertai dan menyebarkan perkara maksiat seperti majlis tari menari, konsert dan gossip.

Kita begitu percaya segala apa yang terdapat dalam email layang di internet, surat khabar dan pelbagai jenis majalah, tetapi kita sering bertanya dan meragui apa yang dikatakan dan diperintahkan oleh Allah s.w.t. dalam al-Quran.

Semua orang ingin masuk syurga tetapi peliknya tidak mahu beriman serta tidak mahu melakukan segala perintah Allah s.w.t. dan meninggalkan segala larangannya.

Kita boleh mengirimkan ribuan bahan gelak ketawa dan surat berantai melalui email, tetapi bila mengirim yang berkaitan dengan ibadah dan agama islam sering berfikir dua kali.


NILAIKAN DIRI KITA !!!.....Tepuk dada, tanyalah hati & iman!!!.....

"Dan sampaikanlah berita yang menggembirakan kepada orang-orang yang beriman, bahawa sesungguhnya mereka akan beroleh limpah kurnia yang besar dari Allah s.w.t."

PROGRAM SAMBUTAN ISRA' WAL MI'RAJ

oleh : Ishak Amin

Pada September 2003 bersamaan Rejab 1424 Hijriah, Unit Agama HEP telah mengadakan Program Sambutan Isra' Mi'raj. Program ini telah dilaksanakan dengan jayanya kerana ia mendapat kerjasama dari Pengetua dan Felo-Felo di kolej Kediaman. Ianya diadakan di Kolej Kediaman Bachang pada 21 September 2003 dan Kolej Kediaman Pangsapuri pada 29 September 2003.



Di Kolej Kediaman Bachang, sambutan ini adalah rentetan dari Program Bakti Siswa pelajar KUTKM di sekitar Kampung Bachang yang telah

dirasmikan oleh YBhg. Prof. Madya Dr. Hj. Su'aidi bin Dato' Safei, Dekan HEP KUTKM. Manakala di Kolej Pangsapuri pula sambutan ini telah dihadiri oleh YBhg. Datuk Prof. Dr. Mohd Ruddin bin Ab.

NISFU SYA'BAN

oleh : Ishak Amin

Pada 10 Oktober 2003 bersamaan dengan 14 Syaaban 1424H, Unit Agama dengan kerjasama Biro Kerohanian BAKUTKM, telah menjalankan beberapa aktiviti bagi menghidupkan malam Nisfu Syaaban.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah bacaan Surah Yasin sebanyak 3 kali dan Solat Sunat Hajat. Ianya dijalankan serentak di tiga buah surau yang ditadbir oleh Unit Agama. Surau-surau tersebut ialah Surau utama, Surau Pangsapuri B dan Surau Bachang.

Aktiviti ini dijalankan adalah untuk memberikan pendedahan kepada pelajar tentang aktiviti-aktiviti yang biasa dijalankan oleh masyarakat



Islam di Malaysia selain dari memupuk semangat hidup bermasyarakat di kalangan mereka.

Program tersebut juga telah dihadiri oleh Pengetua dan Felo-Felo serta beberapa orang staf KUTKM yang tinggal berhampiran. diharapkan program ini dapat memantapkan lagi semangat ukhuwah di antara satu sama lain.

SUDUT KESIHATAN

WAWANCARA BERSAMA : DR. FAUZIMAH SHAHROM Panel Klinik Kesihatan Pelajar KUTKM

Oleh : Md. Nor Ali

Dr. Fauzimah Shahrom dilahirkan pada 9 Oktober 1958. Beliau telah berumur tangga dan mempunyai 4 orang sahaja mata. Beliau mendapat pendidikan di Universiti Kebangsaan Malaysia dalam bidang perubatan dan melanjutkan pelajaran di University London (Diploma Internal Medicine). Beliau pernah berkhidmat di beberapa buah hospital di antaranya Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru, Hospital Kuala Terengganu, Hospital Kuala Lumpur, Pusat Rawatan Islam Kuala Lumpur, Hammersmith Hospital London, Hospital Rawakal Kuala Lumpur dan The Straits Hospital Melaka. Kini beliau mengusahakan kliniknya sendiri iaitu Klinik Sajiana yang terletak di Bukit Katil dan di samping itu beliau juga menjadi Pengarah Tenang Haemodialysis.



PENGARANG : Terlebih dahulu saya bagi pihak majalah 'BULETIN HEP' mengucapkan terima kasih kerana sudi melapangkan masa doktor untuk ditemubual.

DR. FAUZIMAH : Terima kasih kembali saya ucapan kepada saudara Md. Nor kerana memberi saya kesempatan untuk menerangkan tentang khidmat kesihatan kepada pelajar-pelajar dan 'staf' di sini.

PENGARANG : Apa pandangan doktor setelah dipilih menjadi panel doktor di sini dan apa perasaan doktor?

DR. FAUZIMAH : Pada pendapat saya, tidaklah merasa rugi sebagai doktor panel dan saya seronok dapat berbakti kepada pelajar-pelajar kerana satu hari nanti mereka ini akan menjadi pemimpin, ahli teknokrat dan sebagainya. Sekurang-kurangnya mereka akan mengenangkan khidmat saya dan saya bangga kerana telah memberikan khidmat kepada mereka yang saya anggap sebagai anak-anak saya sendiri.

PENGARANG : Dari pengalaman doktor, kes-kes macam mana yang selalu menimpa pelajar-pelajar setakat ini?

DR. FAUZIMAH : Apa yang saya tahu kemalangan yang melibatkan motosikal yang ditunggang pelajar amat ketara sekali. Terutama waktu malam atau yang suka memakai pakaiyan gelap. Risiko penunggang motosikal memang besar kerana mereka tidak berhati-hati, maklumlah darah muda memang suka tunggang laju. Nasihat saya tungganglah dengan berhati-hati. Elakkan keluar malam. Untuk mengetahui kes kemalangan motosikal yang melibatkan pelajar ialah 9 kes iaitu pada bulan puasa lalu. Jumlah yang telah mendaftar di klinik saya ialah seramai 659 orang setakat ini.

PENGARANG : Apa pandangan doktor tentang 'Stress' yang dialami pelajar-pelajar?

DR. FAUZIMAH : Selalunya pelajar-pelajar terlalu banyak belajar siang dan malam serta belajar sampai lewat malam. Stress juga penyakit yang melibatkan mental, emosi dan fizikal. Ada ramai juga pelajar meminta nasihat. Pernah juga ada pelajar yang pengsan, kemungkinan dirinya terlalu letih, stress kerana tekanan belajar buat assignment sehingga lewat malam. Pening kepala, sakit perut adalah tanda-tanda stress. Stress boleh dielakkan jika dapat mengawal emosi dan jumpa kaunselor selalu untuk mendapatkan nasihat doktor.

PENGARANG : Bagaimana pendapat doktor tentang pelajar-pelajar yang menggunakan pil cegah mengantuk?

DR. FAUZIMAH : Saya tak galakan sama sekali. Sebabnya kebanyakan pil ada sifat ketagihan termasuk pil cegah mengantuk. Jangan mulakan sekali, kalau dah mulakan sesorang itu akan mengulanginya lagi. Di klinik saya, ubat batuk sekalipun tidak ada kodin yang boleh membawa ketagihan.

PENGARANG : Apa pendapat doktor yang mengatakan anak-anak melayu lemah berbanding dengan bangsa lain?

DR. FAUZIMAH : Saya tak setuju. Secara peribadi banyak suratkhabar memaparkan kelemahan pelajar-pelajar melayu, kenapa tidak difokuskan anak-anak melayu yang cemerlang?

Ada juga bangsa lain yang lemah, serupa dengan pelajar melayu. Kalau anak-anak melayu sering dipaparkan dengan berita kelemahan mereka, ini akan mempengaruhi bangsa lain untuk mengatakan memang anak atau pelajar melayu lemah. Sedangkan kelemahan begini tidak hanya pada orang melayu. Mungkin peratusnya lebih sedikit tapi anak melayu banyak juga yang cemerlang.

Kalau diberi peluang saya yakin anak-anak melayu boleh menjadi pelajar cemerlang. Tetapi hendaklah yakin, bersedia untuk mengambil peluang ini untuk berjaya.

PENGARANG : Apakah pandangan doktor tentang mutu makanan yang berkait rapat dengan kecerdasan pelajar-pelajar?

DR. FAUZIMAH : Saya setuju. Makanan itu penting dan apa yang kita makan akan membawa kesan kepada minda kita. Contohnya dua orang pelajar, jika seorang kekurangan zat makanan dan seorang lagi cukup makanannya seimbang maka yang kurang zat makanan tadi akan ketinggalan dalam pelajarannya. Mungkin 2-3 kali ganda usaha untuk menandingi yang mendapat makanan seimbang tadi.

PENGARANG : Apakah pada pendapat doktor cara-cara untuk menjana mental pelajar-pelajar untuk belajar dengan cemerlang?

DR. FAUZIMAH : Pendapat saya yang penting ialah sikap positif. Bangun saja dari tidur, bisik pada diri sendiri untuk menjadi pelajar yang cemerlang. Kemudian selalu berjumpa pensyarah, cari peluang untuk bertanyakan sesuatu yang kita tidak faham. Ada masalah jangan mendiamkan diri kerana ianya akan menyusahkan diri sendiri dan masalah itu tidak akan selesai selagi kita tidak mencari penyelesaiannya. Masalah mestilah diselesaikan dengan segera. Langkah seterusnya, adakan 'group discussion'. Amalkan menarik nafas dan lepaskan sebelum kuliah. Ini akan menjadikan kita selesa dan rasa segar.

PENGARANG : Apa nasihat doktor kepada pelajar-pelajar untuk tekun dalam pelajaran?

DR. FAUZIMAH : Adakan master plan. Susun mata pelajaran yang hendak dibaca atau dipelajari. Apa harus dibuat dan cara untuk dihabiskan. Jangan suka tangguh-tangguh. Meski ada 'positive thinking'. Jangan belajar di saat-saat akhir. Senaman perlu dan makanan seperti buah-buahan banyak membantu minda kita.

PENGARANG : Saya fikir cukup setakat ini temubual kita tentang kesihatan dan peranan doktor sebagai panel di sini. Saya berpuas hati dan ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas penerangan, nasihat yang berguna kepada kami.

DR. FAUZIMAH : Terima kasih kembali.

CABARAN KAYAK MERDEKA MELAKA - DUMAI

Oleh : Shaiful Nizam Abd. Karim

MELAKA (Ogos) - Selat Melaka mempunyai sejarahnya tersendiri iaitu merupakan selat terpanjang dan selat yang paling sibuk di dunia kini mencatatkan satu sejarah lagi di mana seramai 46 belia Melaka berjaya merentasi selat tersebut sepanjang 72 km dari Pantai Tanjung Kling ke Tanjung Jati (Sumatera, Indonesia). Di antara 6 anggota belia dari ekspedisi tersebut adalah dari KUTKM iaitu Sdr. Rizwan Nor Zaman (FTMK), Sdr. Lai Chee Chun (FTMK), Sdr. Mohd Shariman Sutan (FKP), Sdr. Khairul Ashraff (FTMK), Sdr. May Franny Sepikit (FKE) dan Sdr. Shaiful Nizam Abd. Karim.

Bermula dengan pelepasan yang telah dilakukan oleh YAB. Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd. Ali bin Mohd Rustam di Tanjung Kling pada 28 Ogos 2003 yang lalu jam 8.20 pagi hingga ke perbatasan perairan Malaysia - Indonesia, pasukan kayak tersebut tidak menghadapi masalah kerana keadaan cuaca yang baik. Sdr. Shariman dari KUTKM telah di beri penghormatan oleh Jawatankuasa Pengelola Program sebagai ketua Pendayung Cabaran Kayak Merdeka 2003.



Kedua-dua arus yang kuat menghala ke Utara pada sebelah petang menyebabkan pasukan Kayak Cabaran Merdeka itu tersasar ke utara menghala Tanjung Medang di Pulau Rupat. Ombak pada ketika itu adalah setinggi 0.5 - 1 meter pada pukul 6.30 petang, di mana para peserta kayak telah dapat melihat daratan Pulau Rupat. Setibanya pada jarak 62 km kira-kira jam 8.30 malam berhampiran Tanjung Jati (Sumatera) wakil "The Malaysia Book Of Records" telah mengumumkan bahawa peserta kayak Cabaran Merdeka itu telah mencatatkan rekod merentasi Selat Melaka.

Halangan yang paling getir ditempuhi sepanjang ekspedisi adalah peserta terpaksa bertarung dengan ribut barat dan angin tiga arah di Tanjung Jati, Indonesia kira-kira 10 batu nautik dari pelabuhan Dumai.

Keenam-enam peserta dari KUTKM tersebut telah dengan jayanya mengharungi Selat Melaka dalam tempoh 20 jam dan merupakan kejayaan yang membanggakan seluruh warga KUTKM. Kejayaan ini membuktikan yang warga KUTKM mampu menyaingi kehebatan pencipta rekod yang lain di negeri ini.



Kejayaan ini sekaligus menafikan tanggapan segelintir pihak yang sebelum ini tidak yakin dengan pencapaian 46 peserta kayak yang terpaksa menghadapi pelbagai rintangan dan dugaan sepanjang perjalanan.

Cabar Kayak Merdeka telah dianjurkan oleh Majlis Gabungan Belia Malaysia Negeri Melaka, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Melaka, Majlis Belia Malaysia dan juga Kerajaan Negeri Melaka.

FISIOTERAPI SUKAN : SAKIT KAKI

Sakit kaki adalah antara masalah yang sering dihadapi oleh kebanyakan orang tidak kira sama ada seseorang tersebut ahli sukan atau pun orang biasa. Ianya tidak mengira peringkat umur. Berikut adalah faktor-faktor penyebab dan langkah mengatasi sakit kaki.

Faktor utama penyebab sakit kaki adalah akibat penggunaan otot kaki yang berlebihan. Selain berjalan pantas atau terlalu jauh, penyebab utama yang turut menyebabkan sakit kaki adalah berdiri terlalu lama, berjalan di atas permukaan yang kesat serta penggunaan kasut yang tidak bersesuaian dengan aktiviti. Pengawalan berat badan unggul juga perlu dilakukan untuk mengelakkan sakit kaki.

Kaki pada dasarnya dibahagikan kepada 4 kumpulan otot atas yang membolehkan ia digerakkan ke atas, bawah, kiri dan kanan.

Langkah penjagaan yang boleh dilakukan oleh seseorang ialah digalakkan mengangkat kaki sehingga ke paras 45 darjah kemudian jatuhkannya semula. Senaman ini hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya 10 minit sehari. Antara senaman lain yang boleh dilakukan ialah menanggalkan kasut kemudian meletakkan tapak kaki di atas permukaan yang tidak rata serta tajam tetapi bahagian atasnya tidak runcing serta tidak memudaratkan kaki, salah satu cara yang digalakkan ialah dengan meletakkan tapak kaki pada bola golf kemudian dipusing-pusingkan. Ianya dapat memberi kelegaan kepada tapak kaki.

Satu lagi langkah yang boleh dilakukan ialah merendamkan kaki ke dalam air suam yang berisi garam. Pesakit hanya dikehendaki merendamkan kaki ke dalam baldi selama kira-kira 15 minit yang berisi air suam bercampur dua sudu kecil garam Epsom yang boleh didapati di farmasi. Kaki tersebut kemudian dikeringkan menggunakan tuala lembut sebelum disapukan krim.

Kaedah urutan juga boleh dilakukan untuk mengurangkan sakit kaki. Salah satu cara yang dianggap terbaik ialah dengan menggunakan ketulan ais yang dimasukkan ke dalam sehelai tuala dan ditekapkan pada bahagian tapak kaki.

Semoga dengan maklumat-maklumat yang diberikan tadi dapat membantu menangani masalah sakit kaki.

PINJAMAN PENDIDIKAN DAN BIASISWA PELAJAR KUTKM

oleh Norhalizah Md. Yusoh

Para mahasiswa Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia amat bertuah kerana dapat melanjutkan pelajaran di Universiti ini. Walaupun berasal dari golongan yang kurang mampu, namun ia bukan masalah besar dengan adanya bantuan kewangan daripada agensi kerajaan maupun swasta. Antara agensi yang terlibat ialah Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kerajaan Negeri dan juga agensi swasta lain yang begitu prihatin bagi membantu pelajar.

Menerusi statistik terkini, Unit Kebajikan Pejabat Hal Ehwal Pelajar KUTKM sehingga November 2003, seramai 2511 orang pelajar menerima pinjaman dari PTPTN. Manakala JPA menaja 173 orang pelajar dan KPM membantu 53 orang pelajar. Majlis Amanah Rakyat (MARA) turut membantu 6 orang pelajar KUTKM sepanjang pengajian mereka di KUTKM.

Terdapat beberapa Kerajaan Negeri turut membantu pengajian kepada anak negeri masing-masing. Negeri Melaka melalui Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPNM) telah membantu seramai 22 orang pelajar. Manakala Negeri Selangor melalui Yayasan Selangor dan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK Selangor) menaja masing-masing 5 dan 6 orang pelajar. Pusat Zakat Selangor membantu seorang pelajar. Berbanding Selangor, Negeri Perak melalui Yayasan Perak menaja 2 orang pelajar KUTKM. Sementara Yayasan Sarawak menaja seorang pelajar dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (SPA Sarawak) pula membantu 2 orang pelajar. Di samping itu, Kerajaan Negeri Sabah telah menawarkan beraswa kepada 3 orang pelajar melalui Yayasan Sabah. Manakala Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah (JPA Negeri Sabah) membantu 7 orang. Dua orang pelajar telah menerima bantuan kewangan dari Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah (SUK Kedah).

Agenzia swasta di negara ini turut prihatin dengan kekangan kewangan yang dialami oleh pelajar KUTKM. Yayasan Telekom Malaysia, Yayasan Lee, Kuok Foundation dan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) masing-masing telah membantu pengajian seorang pelajar. Manakala 5 orang pelajar KUTKM telah dibiayai oleh Yayasan Tenaga Nasional.

Oleh yang demikian, pelajar KUTKM harus bersyukur bahawa mereka merupakan warga yang amat bernilai dalam pembangunan negara. Manfaatkanlah bantuan yang diberi dengan baik dan terancang untuk memantapkan diri dalam bidang akademik dan juga sahsiah diri.

JENIS PINJAMAN	JUMLAH
PTPTN	2511
JPA	173
KPM	52
MARA	6
TAPNM	22
Yayasan Selangor	5
SUK Selangor	6
Pusat Zakat Selangor	1
Yayasan Sarawak	1
SPA Negeri Sarawak	2
Yayasan Perak	2
Yayasan Pahang	1
SUK Kedah	2
Yayasan Sabah	3
JPA Negeri Sabah	7
BSKL	1
Kuok Foundation	1
Yayasan Lee	1
Yayasan Telekom Malaysia	1
Yayasan Tenaga Nasional	5
JUMLAH	2803

BERINGAT SEBELUM TERLAMBAT

Oleh : Mohd Marwan & Norhalizah

Kemalangan di kalangan mahasiswa Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia kian meningkat dari hari ke hari. Sebanyak 16 kes kemalangan telah dicatakan oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) sepanjang semester Mei 2003/2004 yang lalu bagi mengenalpasti punca sebenar berlakunya kes-kes berkenaan.

Melalui tinjauan rambang yang dilakukan, HEP mendapatkan kemalangan yang berlaku sebahagian besarnya adalah akibat kecuaian mahasiswa ketika memandu dan juga faktor-faktor luaran seperti jalanraya yang licin dan tidak rata, keadaan motorsikal yang tidak berfungsi dengan baik dan juga kecuaian pemandu lain.

Pada awal semester, KUTKM dikehujung dengan kemalangan pelajar dari Fakulti Teknologi maklumat dan Komunikasi di Lorong TU27. pelajar ini mendapat kecederaan di bahagian mukanya. Manakala kes terbaru membabitkan pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer yang terlibat dalam kemalangan di jalanraya utama di Bandar melaka. Akibatnya, pelajar ini terpaksa menjalani pembedahan pada jari kakinya yang patah.

Terdapat di kalangan mahasiswa yang mengalami kemalangan tidak memiliki lesen memandu. Nasib baik hanya mendapat kecederaan ringan, kalau parah??? Beringatlah nyawa kalian amat berharga. jangan sia-siakan usia muda anda yang amat diperlukan dalam pembangunan negara.

Sudah sepertutnya mahasiswa kini harus lebih peka dengan persekitaran dan keselamatan semasa berada di dalam atau di luar kampus. Penekanan kepada aspek disiplin oleh Unit Keselamatan Universiti dan tindakan HEP semata-mata hanya untuk memastikan tahap keselamatan di kalangan mahasiswa sentiasa berada di tahap yang baik. Ingatlah! Keselamatan anda di sini menjadi perhatian dan tanggungjawab pihak universiti.

Beringatlah sebelum terlambat...

KOLOKIUM PEMADAM INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (IPT) 2003

Seramai 30 pelajar lelaki telah dipilih untuk mengikuti kolokium Pemadam Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2003 yang diiringi 2 orang Pegawai Pejabat Hal Ehwal Pelajar iaitu En. Sambrin Hasbullah Hj. Tamby Omar dan En. Shahru Abdul Rahman. Kolokium ini dianjurkan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri iaitu PEMADAM.

Tujuan kolokium ini diadakan untuk memberi kesedaran dan kesan dadah terhadap golongan belia khususnya mahasiswa/i yang merupakan bakal pemimpin di masa hadapan dan masyarakat amnya. Program ini bermula pada 18-21 Oktober 2003 dengan pembentangan kertas kerja dari pihak yang terbabit, ruang pameran dan kempen menangani gejala dadah yang dirasmikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi yang juga merupakan Menteri Dalam Negeri.

Apa yang diharapkan mahasiswa yang hadir pada kolokium itu dapat membantu dan berganding bahu bersama agensi



kerajaan lain dalam menangani gejala dadah yang terus meresap di kalangan belia yang merupakan benteng dan tiang negara di masa hadapan.


Terdapat masalah disiplin di kalangan mahasiswa/i tetapi ia merupakan masalah yang boleh ditangani secara berhemat dan sebagai golongan belia dan mahasiswa menguatuksaskan undang-undang bukan merupakan noktah terakhir dalam mengenakan dendaan atau hukuman. Apa yang diharapkan mahasiswa/i merupakan 'role model' yang dapat meletakkan diri sebagai barisan hadapan yang memahami dasar dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak universiti.

Sebagai sebuah universiti yang mempunyai visi dan misi yang tersendiri terdapat peraturan dan undang-undang yang perlu dipatuhi oleh mahasiswa/i dan perlu dihayati seperti Akta Kolej dan Kolej Universiti (AUKU) 1971, Kaedah Tatatertib Pelajar 2002, Peraturan Kolej Kediaman dan Peraturan Akademik serta lain-lain peraturan.

PROGRAM SAMBUTAN MA'AL HIJRAH 1425H



Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberikan pendekahan kepada para mahasiswa/I tentang hari kebesaran Islam, mendidik mahasiswa/I menjadi insan berakhlaq mulia serta melahirkan mahasiswa/I berpengetahuan luas tentang Islam.



Ma'al Hijrah disambut dengan dimulai majlis bacaan Yaasin serta tahlil, bacaan doa akhir tahun, solat maghrib diikuti demgam bacan doa awal tahun, solat isyak dan majlis ceramah Ma'al Hijrah oleh Ust. Sidek Md. Raus dari Majlis Agama Islam, Melaka.



Sambutan dari pelajar dan staf KUTKM amat menggalakkan terutama semasa pertandingan yang dijalankan sebelah pagi di bilik kuliah 1,2,3,4 dan di Masjid Al-'Alami kira-kira seramai 400 pelajar dan staf telah menghadiri majlis ini. Antara tetamu yang hadir dimajlis sambutan ini termasuklah wakil Datuk

Rektor Prof. Dr. Azhari Saleh, berserta pegawai kanan KUTKM dan Dekan HEP Prof. Madya Dr. Hj. Su'aidi bin Dato' Safei.

Semoga sambutan Ma'al Hijrah yang dijalankan pada kali ini akan menjadi pemangkin kepada warga KUTKM untuk terus mengorak langkah maju kehadapan sejarah dengan tema sambutan ma'al hijrah "NEGARA MAJU MATLAMAT KITA".



Antara acara yang dijalankan diperangkat mahasiswa/I termasuklah pertandingan ceramah/tazkirah, kuiz agama Islam, nasyid, puisi dan lain-lain aktiviti yang dapat memberikan input kepada mahasiswa/i.

Pada sebelah malam pula bermula jam 6.30 petang bertempat di Masjid Al-'Alami, MITC, Air Keroh, Melaka acara sambutan

KEJOHANAN TAEKWONDO TERBUKA USM MTA/WTF 2003

Kejohanan Taekwondo Terbuka USM MTA/WTF 2003 telah diadakan pada 15 - 17 Ogos 2003 bertempat di Kompleks Sukan USM, Pulau Pinang. Kejohanan ini dianjurkan oleh Persatuan Taekwondo USM.



Prestasi yang ditunjukkan oleh pasukan ini amat menggalakkan dan menampakkan peningkatan yang amat ketara dari segi pungutan pingat iaitu sebanyak 11 pingat (1 pingat emas, 6 pingat perak dan 4 pingat gangsa) berbanding hanya 7 pingat (1 pingat emas, 3 pingat perak dan 2 pingat gangsa) sahaja pada kejohanan yang lepas.

Peningkatan pungutan pingat menunjukkan semangat juang yang tinggi di kalangan peserta KUTKM harus dibanggakan kerana tidak gentar bertarung walaupun pihak lawan dikatakan lebih walaupun pihak lawan dikatakan lebih berpengalaman. Semangat inilah yang akan membawa nama KUTKM ke peringkat yang lebih tinggi lagi.

KARNIVAL SUKAN MASUM 2003

Karnival Sukan MASUM 2003 telah diadakan pada 17 - 22 Oktober 2003 bertempat di Kompleks Sukan Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah Darul Aman. Sebanyak 17 IPTA dan 2 IPTS jemputan mengambil bahagian pada Karnival Sukan MASUM pada kali ini yang mempertandingkan sebanyak 13 acara.



KUTKM telah menghantar satu kontingen yang terdiri dari 60 orang (42 orang atlit, 5 orang urusetia, 4 jurulatih dan seorang Ketua Kontingen). Acara sukan yang telah disertai ialah Bola Jaring, Bola Tampar Lelaki & Wanita dan Catur Campuran. Dalam acara Bola Tampar Lelaki, Bola Tampar Wanita dan Bola Jaring, pasukan KUTKM tewas pada pasukan lawan masing-masing pada peringkat kumpulan.



Peserta Kursus Lawn Bowls KUTKM 2004

Program yang telah diadakan pada 21 - 22 Februari 2004 ini telah dianjurkan oleh Unit Sukan Dan Rekreasi, Pejabat Hal Ehwal Pelajar, KUTKM. Seramai 38 orang peserta (pelajar & staf) telah menyertai program ini dan telah dirasmikan oleh wakil Pengarah Majlis Sukan Negeri Melaka, En. Nizam Bin Bongsu bertempat di Kompleks Belia Dan Sukan Ayer Keroh.

Peserta-peserta Klinik Sukan Lawn Bowls telah memberikan kerjasama yang yang baik dalam menjayakan program ini. Selain itu klinik ini dapat memupuk semangat cintakan KUTKM melalui sukan dan membentuk gaya hidup sihat selaras dengan slogan "KUTKM cergas".



Sementara di lama pertandingan Catur, KUTKM menduduki tempat ke-7 dari 11 IPTA yang bertanding. Walaupun tidak mendapat tempat terbaik dalam acara catur kumpulan,

seorang pemain Catur KUTKM telah memenangi tempat kedua dalam kategori "Best Board" iaitu Faiezul Bin Zainal dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan KUTKM.

Walaupun pasukan KUTKM tewas dalam semua permainan tetapi mutu permainan telah meningkat berbanding pada kejohanan yang lepas. Pasukan UPM telah muncul sebagai Johan Keseluruhan pada kejohanan ini.

KEM KEMBARA IMAN

Kem Kembara Iman adalah program yang dianjurkan oleh Badan Dakwah dan Kerohanian (BADAR) KUTKM dengan kerjasama Unit Agama dan Unit Kaunseling HEP.

Program ini telah dijalankan di Taman Pertanian Sungai Udang, Melaka pada 2 hingga 4 Januari 2004.



Objektif program Kem Kembara Iman ini adalah untuk membawa minda m a h a s i s w a / i pentingnya peranan mereka sebagai aset Negara serta memberi pendedahan kepada mahasiswa/i akan kehidupan seorang muslim dari segi rohani dan jasmani sebagai persediaan menghadpi era globalisasi.

Selain dari itu Kem Kembara Iman ini juga dapat memberi kesedaran betapa pentingnya ilmu, iman, amal, akhlak dan etika sebagai penghalang daripada segala godaan dunia yang sungguh mencabar ini.

Antara pengisian program yang dilaksana termasuklah Ceramah motivasi, Pertandingan tazkirah, pertandingan nasyid, LDK, Halaqah Al Quran, Kembara Minda, Jiwa Kental Minda Pintar, Forum Bicara Iman dan lain-lain aktiviti kearah pemantapan akidah dan sahsiah.



Majlis penutupan perasmian Kem Kembara Iman ini telah dilakukan oleh Y.Bhg. Datuk Rektor Prof. Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Abdul Ghani dan dihadiri oleh Dekan HEP Prof. Madya Dr. Hj. Su'aidi bin Dato' Safei.

Diharapkan peserta dapat menghayati serta dapat mengamalkan segala ilmu yang didapat sepanjang tempoh Kem Kembara Iman dijalankan serta dapat memanjangkan amalan kepada rakan mahasiswa/i yang tidak berpeluang bersama-sama didalam program ini.

Tema Kem Kembara Iman "**MENJANA MAHASISWA INTELEK BERETIKA**"



MAJLIS SAMBUTAN KONGSI RAYA KOLEJ KEDIAMAN TAMAN TASIK UTAMA

Pada 14 Februari 2004 lepas, JKKT Taman Tasik Utama dengan kerjasama Pejabat HEP telah menganjurkan majlis sambutan kongsi raya yang dirasmikan oleh mantan Datuk Rektor. Program ini telah mendapat sokongan daripada MCA cawangan Ayer Keroh melalui Pengurusnya iaitu YB Datuk Seah Kwi Tong. Majlis ini yang bertemakan "Mengeratkan Perpaduan Ke Arah Kemauafakan" telah dihadiri oleh seramai 1000 orang yang terdiri daripada pelajar, felo-felo kolej kediaman dan staf HEP daripada pelbagai kaum. Pada malam tersebut, terdapat sebahagian pelajar secara sukarela memakai pakaian tradisional bagi menghayati objektif program tersebut. Tidak ketinggalan juga, seramai 41 orang anak-anak yatim dari Persatuan Kebajikan Anak-anak Yatim Islam Bukit Pagoh, Melaka telah dijemput bersama-sama menghadiri majlis tersebut.




*Photos are
for daru*

Majlis itu telah dipengerusikan oleh tiga orang pelajar yang mewakili tiga kaum terbesar di Malaysia. Majlis bermula pada pukul lapan malam di mana mantan Datuk



Rektor telah dibawa menaiki beca dengan diiringi oleh Dekan HEP dan wakil Datuk Seah Kwi Tong iaitu En. Tan Swee Leong. Serentak dengan itu juga, tarian singa yang ditaja oleh YB Datuk Seah Kwi Tong sendiri telah dipersembahkan bagi mengiringi ketibaan VIP. Di dalam ucapan perasmianya, mantan Datuk Rektor telah mengingatkan para pelajar akan kepentingan mengekalkan perpaduan yang sedia terjalin sesama mereka. Tanpa perpaduan dan kerjasama daripada semua pihak, maka sudah tentu program yang sedemikian tidak dapat diadakan dengan jayanya.

Selepas mantan Datuk Rektor merasmikan majlis tersebut, para tetamu telah diserikan



Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk mengeratkan perpaduan di kalangan pelajar pelbagai kaum di KUTKM ini. Untuk itu, sebelum program ini berlangsung, para pelajar telah bergotong-royong menyediakan pelbagai juadah untuk jamuan pada malam tersebut. Antara juadah yang disediakan termasuklah nasi tomato, sate, wade, capati dan sebagainya yang sudah semestinya melambangkan variasi kaum di negara kita. Selain daripada itu, bagi memastikan kelancaran program, pihak jawatankuasa pengarjur yang mendapat bimbingan dan nasihat pengetua telah mengadakan 'rehearsal' sebelum berlangsungnya majlis tersebut.



dengan persembahan yang hebat seperti kumpulan nasyid, pertunjukan Seni Silat Cekak Hanafi dan diakhiri dengan persembahan gamelan dan caklempung. Pihak jawatankuasa pengarjur telah berjaya mendapat kerjasama daripada pihak ISSMA untuk memimpin para pelajar yang membuat persembahan tradisional tersebut. Seramai 70 pelajar terlibat di dalam menjayakan persembahan pada malam itu. Para tetamu telah turut terhibur dengan persembahan tersebut yang julung-julung kalinya diadakan di KUTKM. Selain daripada itu, beberapa acara menarik turut diadakan seperti cabutan bertuah yang menawarkan 5 bungkus hadiah yang agak lumayan. Hadirin bertambah seronok apabila pertandingan rumah tercantik diumumkan yang merupakan acara terakhir bagi majlis tersebut.



dengan pelbagai persembahan yang hebat seperti kumpulan nasyid, pertunjukan Seni Silat Cekak Hanafi dan diakhiri